



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 3, Issue 5, November 2018

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
www.msocsciences.com

### Aktiviti Muzikal Yang Sesuai Dijalankan Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran Muzik Murid-Murid Pintar dan Berbakat di Malaysia

Md Jais Bin Ismail<sup>1</sup>, Rorlinda Binti Yusuf<sup>1</sup>, Loo Fung Chiat<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat PERMATApintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

<sup>2</sup>Jabatan Muzik, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Correspondence: Md Jais Bin Ismail (md\_jais@yahoo.com)

#### Abstrak

Kajian menunjukkan bukan semua aktiviti pengajaran sesuai dilakukan ke atas pelajar pintar dan berbakat. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti aktiviti-aktiviti muzikal yang sesuai dan memenuhi keperluan murid-murid pintar dan berbakat di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada murid-murid pintar dan berbakat yang belajar di Pusat PERMATApintar Negara. Keputusan kajian ini boleh dijadikan panduan oleh para pendidik yang ingin mengajar muzik terhadap kanak-kanak pintar dan berbakat supaya dapat memilih aktiviti muzik yang benar-benar sesuai dan bertepatan dengan jiwa kanak-kanak istimewa ini. Justeru, pengkaji mengumpul data menggunakan kaedah Perbincangan Kumpulan Berfokus, dan Temu Bual Mendalam terhadap kanak-kanak pintar dan berbakat yang mempunyai pengalaman belajar dalam kelas muzik. Pemerhatian juga dijalankan di dalam kelas-kelas muzik di Pusat PERMATApintar Negara untuk mengenal pasti tingkah laku murid-murid tersebut terhadap aktiviti muzik yang dijalankan. Keputusan menunjukkan semua murid berpendapat bahawa aktiviti permainan alat muzik sangat sesuai untuk mereka diikuti aktiviti persembahan muzikal, teori muzik dan nyanyian. Guru-guru boleh menarik perhatian murid menggunakan bahan bantu mengajar yang interaktif, mengaitkan teori dengan amali dan menyatakan kepentingan belajar sesuatu topik muzik.

**Kata kunci:** aktiviti muzik, pengajaran dan pembelajaran, pintar dan berbakat, PERMATApintar

### Proper Musical Activities During Music Instructional Process for Gifted and Talented Students in Malaysia

#### Abstract

Previous studies approved that not all lesson activities are suitable for gifted and talented students. This study is designed to identify what are the proper musical activities that can fill the needs of gifted and talented students in Malaysia. The research sample is among gifted and talented students from the whole Malaysia who are studying in Pusat PERMATApintar Negara. Result in this study may be used as reference for educators who want to teach music on gifted and talented children, so that educators may choose the right and effective activities to implement on those children. Therefore, the researcher collects data using Focus Group Discussion Technique, and In-depth Interview on gifted and talented children who had experienced music in formal class. Observation is also conducted in music classes in Pusat PERMATApintar Negara to identify their behavioral on the musical activities conducted. Result reveals that all the students believe the most proper musical activities are playing musical instruments,

performance, music theory and singing. Teachers may attract students' attention by using interactive learning apparatus, relates theory and practical, and justify the importance of music study.

**Keywords:** musical activities, instructional process, gifted and talented, PERMATApintar

---

## Pengenalan

Pendekatan humanistik menekankan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai kebolehan, bakat dan keistimewaan tersendiri. Walaubagaimanapun kebolehan dan keistimewaan tersebut bukan selalu terserlah secara langsung. Kanak-kanak tersebut perlu diberikan peluang untuk meluahkan serta menggunakan kebolehan yang ada dalam pelbagai jenis bidang untuk meningkatkan kemahiran yang pelbagai, sikap dan pengetahuan. Oleh itu, adalah sewajarnya bakat seseorang kanak-kanak itu dikenal pasti lalu dikembangkan. Maksic (2006) menyatakan bahawa motivasi merupakan aspek utama untuk mengembangkan kebolehan serta bakat kanak-kanak. Kreativiti boleh dihubungkan bersama motivasi yang boleh dilakukan setiap orang untuk membentuk sikap dan menghasilkan sesuatu yang bermutu.

Gardner (1997) menggariskan tujuh kecerdasan pelbagai. Salah satunya ialah kebolehan bermain muzik yang membolehkan seseorang individu peka terhadap perbezaan, manipulasi dan mencipta mesej muzik yang baharu. Ahli psikologi dan muzik sering menggunakan pelbagai terma seperti '*gifted*', berbakat, berkebolehan muzik, berpotensi dan berkapasiti untuk menggambarkan seseorang itu mempunyai bakat muzik (Bogunovic, 2008). Menurut Teplov (1967) individu yang berbakat muzik mempunyai kemahiran muzikaliti yang membolehkan seseorang itu berinteraksi dengan muzik dan menjadi orang yang cukup mahir dalam permainan muzik. Mirkovic (1998) percaya bahawa kebolehan seseorang itu dalam bidang muzik bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor baka tetapi juga kerana mereka belajar, keupayaan menerima kemahiran muzik dan juga faktor kematangan. Pendedahan terhadap muzik sejak dari peringkat awal juga boleh mempengaruhi kebolehan seseorang itu mahir dalam bidang muzik apabila dewasa.

Gagne (1998) telah membangunkan sebuah Model Perbezaan Pintar dan Berbakat yang menjelaskan bahawa pintar adalah sesuatu yang fitrah dan semulajadi manakala bakat bermaksud kemahiran yang boleh diasah sepanjang hidup. Pengkaji lain pula berpendapat pintar dan berbakat merupakan sesuatu yang sama walaupun mempunyai nama yang berbeza (Winner, 1996). Tolar (2016) menegaskan bahawa setiap orang kanak-kanak pintar dan berbakat adalah antara satu sama lain dalam kelompok mereka dan juga berbeza dari kanak-kanak normal. Salah satu keunikan luar biasa dalam kelompok kanak-kanak pintar dan berbakat adalah mereka boleh dibahagikan kepada mereka yang pintar secara muzikal dan pintar secara akademik.

Walaupun terdapat perbezaan dalam kalangan mereka, namun apa ciri yang jelas yang ada pada mereka ialah, kanak-kanak ini mempunyai kebolehan dan kemampuan yang luar biasa untuk menerima serta menggarap maklumat yang banyak. Mereka boleh mengingat pelbagai perkara sejak dari kecil lagi. Hal ini merupakan sesuatu yang baik tetapi telah mewujudkan suatu cabaran baru dalam dunia pendidikan. Contohnya, kanak-kanak pintar dan berbakat boleh menjadi bosan apabila didedahkan dengan konsep yang telah diketahuinya di sekolah. Isu yang lain pula kanak-kanak ini selalu berfikir melalui pemerhatian terhadap keadaan sekelilingnya daripada melakukan secara praktikal (Callahan, 2015). Hal ini menyebabkan mereka merasakan apa yang dapat dialami dan diperhatikan mereka adalah sesuatu yang benar walaupun sesetengah perkara adalah salah dari perspektif orang biasa. Hal ini sudah tentu menjadi suatu cabaran untuk mendidik kanak-kanak pintar dan berbakat tentang apa yang benar dan apa yang perlu dipelajari.

## Pernyataan Masalah

Perhatian perlu ditumpukan terhadap program-program khusus untuk murid-murid pintar dan berbakat di sekolah. Schultz (2005) menegaskan bahawa program-program pintar dan berbakat seharusnya

menepati ciri-ciri dan prinsip pendidikan pintar dan berbakat. Ia tidak sepatutnya diambil mudah atau dijalankan tanpa kemahiran yang mencukupi. Adalah sesuai untuk melibatkan individu yang pintar dan berbakat untuk turut bersama merancang dan melaksanakan program pendidikan pintar dan berbakat. Hal ini akan membawa suatu perspektif baharu untuk mendalami tentang apa yang dikatakan dengan pintar dan bagaimana untuk memenuhi keperluan kanak-kanak pintar dan berbakat. Pelajar pintar dan berbakat mempunyai minda yang cerah dan berpotensi untuk memberi perubahan kepada masyarakat. Oleh itu, peruntukan perlu disediakan oleh pihak kerajaan untuk menyediakan sumber-sumber dan instruktur yang terlatih untuk membimbing pelajar pintar dan berbakat ini menggunakan sumber tersebut secara berkesan (Siegle dan McCoach, 2010).

Atas faktor kemampuan intelektual yang tinggi dan kebolehan yang unik, kebanyakan kanak-kanak pintar dan berbakat sering tidak berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah. Kajian yang dijalankan oleh Milgram dan Hong (1999) mendapati bahawa pelajar pintar dan berbakat menjalankan aktiviti sendiri untuk memenuhi keseronokan dan keperluan mereka. Memmert (2006) mendapati bahawa murid pintar dan berbakat adalah jauh lebih kreatif berbanding murid biasa. Beliau telah menjalankan sebuah program pengayaan terhadap murid-muridnya. Hasil pemerhatian selepas enam bulan mendapati murid-murid pintar dan berbakat dapat melakukan aktiviti sukan pergerakan kreatif dengan baik berbanding murid biasa. Daripada keputusan ini Memmert mencetuskan persoalan iaitu bagaimana murid-murid pintar ini dapat menggunakan kebolehan kognitif mereka dalam bidang sukan lebih baik dari murid biasa. Dalam kajian seterusnya, beliau mendapati rupa-rupanya murid-murid pintar dan berbakat boleh melihat objek-objek yang luar biasa dari zon visual yang dekat berbanding murid biasa. Hal ini bermaksud murid pintar dan berbakat dapat memproses maklumat secara visual dengan lebih cepat yang memberi gambaran kepada mereka apa yang berlaku di padang dan apa aktiviti yang patut dilakukan dengan berkesan.

Selain itu, dalam dunia pendidikan yang kian mencabar terdapat banyak aktiviti-aktiviti pembelajaran yang telah dibangunkan oleh pendidik mahupun pengkaji. Adalah sukar kepada guru-guru untuk memilih untuk menentukan aktiviti mana yang lebih sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran terutama yang melibatkan kanak-kanak pintar dan berbakat. Gross, Macleod dan Pretorius (2007) menyatakan bahawa aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam model-model kurikulum adalah sesuai untuk sebilangan murid sahaja dan tidak semestinya memenuhi keperluan semua murid. Maker (1982) juga pernah menyatakan bahawa teknik yang digunakan dalam pengajaran guru hanya sesuai untuk segelintir murid sahaja.

Oleh itu, memandangkan program pendidikan muzik untuk murid-murid pintar dan berbakat adalah masih baru di negara kita, adalah sangat penting agar kita untuk meneroka aktiviti-aktiviti muzikal yang boleh dijalankan supaya memenuhi keperluan murid-murid ini. Tahap kurikulum perlu diubahsuai dan berbeza untuk murid-murid pintar dan berbakat kerana mereka tidak sewajarnya didedahkan dalam kurikulum semasa yang memberi pendedahan yang sama kepada semua murid (Gross, Macleod dan Pretorius, 2007). Jika murid-murid pintar dan berbakat dilayan sama seperti murid-murid normal mereka akan mudah berasa bosan. Menurut Kaplan (1990), murid-murid pintar memerlukan sesuatu yang mencabar intelek. Rasa bosan boleh menyebabkan mereka lebih mudah tertekan berbanding murid biasa.

## Objektif

Terdapat empat objektif dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengenal pasti aktiviti-aktiviti muzikal yang sesuai dan memenuhi keperluan murid-murid pintar dan berbakat.
- ii. Mengenal pasti aktiviti-aktiviti muzikal yang menarik perhatian murid-murid pintar dan berbakat.
- iii. Mengenalpasti aktiviti-aktiviti muzikal yang tidak sesuai dijalankan ke atas murid-murid pintar dan berbakat.

- iv. Mengenalpasti kaedah pengajaran guru yang dapat menarik perhatian murid-murid pintar dan berbakat untuk mempelajari muzik.

### **Persoalan Kajian**

- i. Apakah aktiviti-aktiviti muzikal yang sesuai dan memenuhi keperluan murid-murid pintar dan berbakat?
- ii. Apakah aktiviti-aktiviti muzikal yang dapat menarik perhatian murid-murid pintar dan berbakat?
- iii. Apakah aktiviti-aktiviti muzikal yang tidak sesuai dijalankan ke atas murid-murid pintar dan berbakat?
- iv. Bagaimanakah cara untuk menarik perhatian murid-murid pintar dan berbakat untuk mempelajari muzik?

### **Kepentingan Kajian**

Memandangkan pendidikan untuk kanak-kanak pintar dan berbakat hanya terdapat di Pusat PERMATApintar Negara, pengkaji menjangkakan akan ada lebih banyak institusi-institusi pendidikan dibangunkan bagi tujuan memberikan intervensi yang sesuai untuk murid-murid pintar dan berbakat. Hal ini dibuktikan apabila pihak kerajaan telah bersetuju untuk membuka satu lagi pusat khusus untuk pembelajaran murid-murid pintar dan berbakat di Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Seremban (1news, 2017). Hal ini tidak mustahil akan ada lagi institusi pendidikan yang akan dibuka lagi memandangkan bilangan murid-murid pintar dan berbakat di negara ini kian meningkat dan memerlukan intervensi sewajarnya.

Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan dapat membantu para pendidik terutama yang mengajar mata pelajaran muzik untuk menjalankan aktiviti muzikal yang benar-benar sesuai dengan murid pintar dan berbakat. Sekurang-kurangnya, kajian ini dapat menjadi panduan asas kepada pendidik muzik untuk lebih mengenali murid-murid pintar dan berbakat. Dengan pelaksanaan aktiviti muzik yang sesuai, maka kelas-kelas muzik dapat berjalan dengan lancar dan memenuhi keperluan murid-murid pintar dan berbakat. Murid-murid tidak akan berasa bosan, tertekan dan hal ini sudah tentu dapat mengelakkan tingkah laku luar kawalan.

Selain itu, kajian ini boleh dijadikan panduan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merancang kurikulum muzik yang standard untuk murid-murid pintar dan berbakat di sekolah. Kurikulum dan pentaksiran muzik khusus untuk murid-murid pintar dan berbakat boleh dibangunkan dengan mengambil kira aktiviti-aktiviti pembelajaran yang memenuhi keperluan murid-murid ini. Pihak kementerian juga boleh merancang aktiviti pengayaan yang bercorak muzikal untuk murid-murid yang belajar dalam kelas-kelas sains, matematik dan bahasa.

### **Murid Pintar Dan Berbakat**

Setiap kanak-kanak mempunyai kepintaran dan bakat tersendiri. Ada sesetengahnya pula dapat berfikir lebih tinggi dan mempunyai kebolehan yang luar biasa jika dibandingkan dengan kanak-kanak yang sebaya dengannya. Menurut Montgomery (2013), terdapat tiga dalam sejuta kanak-kanak yang dikategorikan sebagai pintar. Mereka mempunyai ciri-ciri yang luar biasa yang dapat dikenal pasti sejak dari kecil lagi. Ada antara mereka sudah boleh bercakap dengan lancar pada umur 6 hingga 9 bulan, boleh membaca dan mengeja pada umur dua tahun, belajar sendiri, dan sudah bersedia untuk belajar secara formal mulai umur tiga tahun. Sekiranya mereka dihantar ke tadika atau prasekolah merupakan sesuatu yang sangat mudah dan mereka boleh menghabiskannya dalam masa yang singkat. Kebanyakan kanak-kanak pintar yang dihantar ke tadika atau prasekolah mudah berasa bosan dan sukar dikawal kerana sukatan pelajaran yang diajar tidak menepati keperluan mereka.

Renzulli (1978) menyatakan bahawa individu pintar dan berbakat memiliki tiga ciri iaitu mempunyai kebolehan yang tinggi dari umur semasa, mampu melakukan tugas yang lebih banyak, dan mempunyai kreativiti yang tinggi. Gagne (1985) bersetuju dengan pendapat dengan menjelaskan bahawa individu yang pintar mempunyai kompeten, aptitud, dan berpotensi tinggi melaksanakan sesuatu tugas menjangkau umur semasa. Empat domain pintar dan berbakat dicadangkan oleh Gagne merangkumi intelek, kreatif, sosio-efektif dan deria motor.

Menurut Van Tassel-Baska (1996), tidak semua kanak-kanak pintar dan berbakat menunjukkan ciri-ciri kognitif dan sosio-emosi yang tinggi. Sesetengahnya menunjukkan ciri-ciri tersebut mengikut perkembangan umur. Ada juga yang dapat menonjolkan ciri-ciri tersebut hanya apabila mereka didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang berkait rapat dengan minat dan sikap mereka seperti muzik. Justeru, apabila merancang sesuatu aktiviti untuk pelajar pintar dan berbakat haruslah mengutamakan tiga faktor perbezaan mereka iaitu kepantasan belajar, kesediaan menyelesaikan sesuatu masalah dan manipulasi idea untuk membuat perkaitan (Van Tassel-Baska, 1988).

Passow (1988) menjelaskan bahawa murid-murid pintar dan berbakat bukan sahaja memerlukan lebih tugas malah tugas yang berbeza-beza dapat mengembangkan lagi kebolehan mereka. Oleh itu, mereka perlu diberikan program pengajaran dan pembelajaran yang sesuai. Maker (1982) pula bersetuju bahawa pembelajaran untuk murid-murid pintar dan berbakat haruslah berbeza-beza dengan mengambil kira faktor kandungan pelajaran, proses pembelajaran, hasil dan persekitaran pembelajaran.

Salhah (2008) merungkai topik kecerdasan pelbagai dengan mencadangkan bahawa sudut muzik boleh diwujudkan di dalam bilik darjah sebagai salah satu medium yang boleh menjalin hubungan kekitaan dalam kalangan pelajar. Hal ini dapat memberi kesan positif kepada proses pembelajaran murid-murid terutamanya pembelajaran yang menfokuskan kaedah koperatif. Aktiviti-aktiviti muzik yang merangkumi latar muzik, lirik, menyanyi secara berpasangan, puisi, tepukan dan bunyian dapat dijalankan bagi mewujudkan suasana koperatif dalam bilik darjah.

### **Aktiviti Muzikal Dalam Kalangan Murid-Murid**

Aktiviti nyanyian dilihat sebagai suatu yang sangat penting dan boleh digunakan dalam mana-mana subjek di sekolah. Hal ini kerana nyanyian atau lagu merupakan kemahiran yang paling biasa dilakukan oleh seseorang manusia ketika gembira atau sedih yang boleh juga diterapkan dalam proses pengajaran bilik darjah. Mok dan Lee (1989) mengulas bahawa aktiviti nyanyian merupakan aktiviti yang sering berlaku dalam kehidupan kita seharian, maka ia sangat sesuai dilakukan dalam bilik darjah sebagai satu medium yang berkesan untuk mengukuhkan ingatan murid-murid. Selain itu, penggunaan irama dan rentak sebagai iringan juga dikatakan sebagai kaedah yang berkesan untuk menguatkan ingatan peajar dan meningkatkan minat pelajar untuk belajar (Rosli dan Omar, 2013). Hal ini turut diakui Hisyamuddin dan Amir (2012) yang menyatakan bahawa aktiviti muzik dan nyanyian sangat berkesan dalam memperkembang kemahiran sosial para pelajar.

Rief (2008) pula menerangkan bahawa aktiviti muzik melalui pergerakan adalah berkesan kepada pelajar. Guru biasanya melakukan aktiviti ini semasa waktu peralihan. Mereka melakukan muzik dengan pergerakan senaman, koordinasi dan kesedaran diri, mengikut arah dan riadah. Bahan yang digunakan ialah puisi berirama, sajak, bunyi petikan jari dan lagu-lagu berentak mac. Walaubagaimanapun, sebelum melakukan aktiviti ini, pelajar haruslah diajar cara bergerak, formasi dan kemahiran-kemahiran yang lain. Brownhill (2014) pula menjelaskan aktiviti pergerakan melalui tarian adalah sangat berkesan untuk membangunkan kemahiran fizikal pelajar. Elemen kesedaran ruang dan imaginasi digunakan untuk meneroka muzik melalui pergerakan.

Komponen utama dalam kurikulum muzik adalah membuat persembahan. Untuk melakukan persembahan pelajar didedahkan dengan aktiviti permainan alat muzik. Antara alat muzik yang selalu diajar ialah rekoder dan kibod (Wigfield, O'Neill dan Eccles, 1999). Kajian yang dijalankan Mahoney, Larson, dan Eccles (2005) mendapati bahawa terdapat kecenderungan yang tinggi dalam kalangan pelajar untuk bermain alat muzik, namun kebanyakannya hanya belajar alat muzik separuh jalan

sahaja. Kajian mendapati bahawa pelajar yang mempunyai pandangan positif dan bermotivasi sahaja yang berminat meneruskan pembelajaran alat muziknya sehingga tamat persekolahan. Kajian bukan sahaja meneroka aktiviti permainan alat muzik di sekolah malah aktiviti mendengar muzik, menari, menyanyi, dan belajar muzik menggunakan komputer turut diteroka sebagai aktiviti muzik yang dijalankan di sekolah.

## **Kepentingan Muzik Untuk Murid-Murid Pintar Dan Berbakat**

Dalam bidang kesenian, Clark dan Zimmerman (1998) telah mengulas sebuah laporan rekod anekdot tentang murid pintar dan berbakat akademik. Murid-murid tersebut telah menghadiri satu program perkhemahan akademik dengan membawa alat-alat muzik. Hasil pemerhatian yang mengejutkan ialah apabila mereka mendapati bahawa kebanyakan murid-murid ini mempunyai kecenderungan dalam bidang muzik. Hal ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya bidang muzik di dalam atau luar sekolah yang boleh menyerlahkan lagi kemahiran murid-murid pintar dan berbakat.

Aplikasi subjek muzik dan kesenian dalam Pendidikan Pintar Cerdas merupakan sesuatu yang kompleks. Satu-satunya kajian telah dijalankan oleh Clarke (2006) tentang cabaran dan kejayaan pelaksanaan program muzik di dalam kelas kanak-kanak pintar dan berbakat dalam bidang akademik. Clarke telah menemu bual guru, pelajar dan menjalankan pemerhatian ke atas kelas-kelas muzik. Beliau mendapati aktiviti komposisi muzik sangat penting dalam kurikulum ini. Guru yang menjalankan aktiviti komposisi akan dapat membezakan pelajar yang mempunyai kebolehan muzik secara semula jadi dengan murid yang mempunyai bakat muzik yang boleh diasah. Dapatan kajian juga menunjukkan murid-murid pintar dan berbakat juga mempunyai kemampuan untuk bermain instrumen muzik walaupun mereka baru mempelajarinya.

Walaubagaimanapun, pembelajaran topik-topik muzik yang lain perlu juga diberikan perhatian. Antara topik yang boleh didedahkan untuk murid-murid pintar dan berbakat ialah teori muzik, muzikologi, komposisi, persembahan muzik, dan aural (pendengaran) (Tolar, 2016). Hal ini membolehkan murid-murid pintar dan berbakat dapat membuat perkaitan teori-teori muzik dalam persembahan atau mencipta bentuk-bentuk muzik berdasarkan apa yang telah dipelajari dalam kelas. Schroth dan Helfer (2011) menyokong hujah ini dengan menyatakan penyertaan bidang kesenian dalam Pendidikan Pintar Cerdas mestilah mendedahkan murid-murid dengan konsep asas terlebih dahulu, perbincangan dan membenarkan murid mencapai peringkat yang lebih tinggi.

Clark, Gilbert, dan Zimmerman (1998) menegaskan bahawa subjek-subjek muzik dan kesenian merupakan suatu keperluan dalam Pendidikan Pintar Cerdas. Mereka percaya bahawa subjek muzik dan kesenian tidak wajar dipinggirkan kerana melalui subjek-subjek inilah murid-murid pintar dan berbakat dapat menggunakan kebolehan semula jadi dan kreativiti mereka. McKay (1983) juga bersetuju dengan menyatakan bahawa muzik dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid pintar dan berbakat. Walaubagaimanapun, aktiviti muzikal yang dijalankan mestilah bertepatan dengan minat mereka dan benar-benar sesuai dengan kebolehan mereka.

Clarke (2006) menjelaskan:

*“The use of group work in music, however, is important as it allows students to build skills in team work, and focus less on academic competition.” (m/s. 49).*

Hal ini menunjukkan bahawa subjek muzik menggalakkan murid-murid pintar dan berbakat belajar dalam kumpulan. Bagi murid-murid yang lebih selesa belajar sendiri mungkin tidak berminat dengan pembelajaran secara kumpulan namun sekurang-kurangnya aktiviti dalam kumpulan ini memberikan mereka pengalaman yang sangat berharga. Murid-murid akan mendapati bahawa muzik membolehkan mereka belajar dalam suasana yang tidak tertekan malah lebih menyeronokkan.

## Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif. Populasi kajian terdiri daripada murid-murid pintar dan berbakat dari seluruh Malaysia yang sedang belajar di Pusat PERMATApintar Negara iaitu seramai 462 orang. Sampel kajian diambil daripada murid-murid pintar dan berbakat yang pernah belajar muzik di Pusat PERMATApintar Negara yang kini berada dalam Asas 2 dan 3 iaitu seramai 210 orang. Mereka telah menduduki ujian yang telah digubal oleh pihak Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah mengiktiraf dan mengesahkan mereka seorang yang memiliki ciri-ciri pintar dan berbakat (*gifted*) dalam bidang akademik.

Sampel kajian telah dipilih menggunakan teknik persampelan mudah (*convenience*). Hal ini kerana sampel yang diuji merupakan sampel yang mudah didekati dan sudah dikelompokkan dalam kelas. Menurut Stephanie (2015), teknik persampelan mudah sangat sesuai dijalankan apabila pengkaji mudah mendekati responden dan ia biasanya digunakan untuk mengkaji responden di sekolah, tempat kerja dan pasaraya.

Pengkaji telah menggunakan tiga kaedah untuk mengumpul data iaitu perbincangan kumpulan berfokus, temu bual dan pemerhatian. Dalam kaedah perbincangan kumpulan berfokus, pengkaji telah memilih lapan orang ahli panel yang terdiri daripada pelajar-pelajar asas tiga berumur 15 tahun dari kelas yang berbeza-beza. Mereka telah mempunyai pengalaman selama dua tahun lapan bulan belajar muzik di Pusat PERMATApintar Negara. Soalan-soalan yang ditanya adalah berkisarkan tentang aktiviti muzik yang berkesan yang telah dialami mereka sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran muzik di institusi ini. Mereka juga ditanya tentang aktiviti muzik yang berkesan dan sesuai diajar kepada mereka.

Temu bual secara individu dan berkelompok juga dijalankan ke atas murid-murid pintar dan berbakat. Dua kelas dari Asas 2 telah dipilih untuk ditemu bual secara kelompok manakala lima orang murid dari asas dua telah ditemu bual secara individu. Pengkaji juga telah membuat pemerhatian terhadap dua kelas dari Asas 2 dan dua kelas dari Asas 3. Pemerhatian juga telah dijalankan di dalam kelas-kelas muzik Asas 2 dan Asas 3.

## Keputusan

Pengkaji menganalisa keputusan kajian berdasarkan tiga instrumen kajian yang digunakan iaitu perbincangan kumpulan berfokus, temu bual dan pemerhatian.

### ***Perbincangan Kumpulan Berfokus***

Berdasarkan teknik perbincangan kumpulan berfokus yang telah dijalankan selama 42 minit, didapati semua ahli panel bersetuju bahawa murid-murid pintar dan berbakat sesuai didedahkan dengan aktiviti permainan alat muzik ketika kelas muzik. Mereka seronok bermain alat muzik dan ingin mendalaminya. Murid-murid pintar dan berbakat ingin belajar bermain alat muzik mengikut skor. Di samping bermain alat muzik, mereka juga seronok untuk belajar aspek irama. Aktiviti menepuk corak irama membuatkan mereka lebih peka dengan not-not pada skor.

Selain itu, murid-murid juga sesuai didedahkan dengan aktiviti nyanyian ketika kelas muzik. Mereka lebih berminat menyanyi berdasarkan skor atau lirik lagu. Jadi, mereka lebih fokus terhadap melodi dan pic dalam sesebuah lagu. Ahli panel mencadangkan agar pertandingan boleh diadakan bagi mengetengahkan bakat muzik murid-murid pintar dan berbakat. Melalui pertandingan, mereka dapat mempamerkan budaya sesuatu kaum menerusi muzik. Untuk mengasah dan menguatkan lagi kemahiran muzik murid-murid ini, mereka boleh didedahkan dengan teori-teori muzik. Pembelajaran teori muzik seharusnya diaplikasikan pada instrumen muzik supaya murid-murid tidak lupa dan lebih memahami konsep teori tersebut.

Murid-murid pintar dan berbakat juga dikatakan berminat untuk belajar sejarah muzik atau evolusi muzik yang bermula dari zaman barok, klasikal sehinggalah ke zaman alaf 21. Mereka berminat untuk mengetahui perkembangan dan ciri-ciri muzik pada zaman-zaman tersebut. Mereka berpendapat, ia adalah sesuatu yang unik untuk mempelajari sejarah muzik. Dari segi pengajaran guru, ahli panel mencadangkan agar guru dapat menggunakan bahan pengajaran berasaskan teknologi seperti LCD, televisyen, komputer dan sebagainya. Hal ini adalah untuk menarik perhatian dan mengelakkan kebosanan dalam kalangan murid-murid pintar dan berbakat.

Dalam pembelajaran muzik, ahli panel sangat bersetuju sekiranya murid-murid pintar dan berbakat dapat belajar secara teori dan mengaplikasikan terus pada instrumen secara amali. Oleh itu, guru boleh berperanan mengajar teori dan amali dalam sebuah kelas muzik. Guru-guru juga disarankan untuk memberitahu kepentingan belajar sesuatu topik muzik kerana murid-murid pintar sentiasa prihatin tentang mengapa perlu belajar sesuatu tajuk itu. Berikut merupakan senarai aktiviti muzik yang sesuai dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran muzik mengikut keutamaan berdasarkan keputusan ahli panel:

- i. Bermain alat muzik mengikut skor lagu.
- ii. Menepuk corak irama lagu.
- iii. Menyanyi berdasarkan skor lagu.
- iv. Pertandingan muzik dan perkongsian budaya antara kelas.
- v. Belajar teori muzik.
- vi. Belajar sejarah muzik.

### **Temu bual**

Terdapat dua jenis temu bual yang telah dijalankan iaitu temu bual secara individu dan temu bual secara kelompok. Penjelasan-penjelasan responden dalam temu bual ini dikodkan mengikut tema. Berdasarkan sesi temu bual yang dijalankan secara individu ke atas lima orang murid-murid pintar dan berbakat, murid-murid ditanya tentang apakah aktiviti muzik yang sesuai dijalankan ke atas mereka dan aktiviti-aktiviti muzik yang diminati. Didapati semuanya memberi jawapan yang jelas iaitu aktiviti permainan alat muzik. Mereka ingin belajar bermain alat-alat muzik dan membuat persembahan muzik di hadapan khalayak. Murid pertama mengatakan bahawa kemahiran muzik dapat dipelajari dengan pembelajaran muzik secara 'one to one' dengan guru. Murid kedua dan ketiga mengatakan mereka suka sekiranya dipanggil membuat persembahan bermain alat muzik di hadapan kelas atau di luar kelas. Murid kelima juga mencadangkan agar dibuat pertandingan bermain alat muzik. Oleh itu pengkaji mengumpulkan kesemua maklumat ini ke dalam suatu tema iaitu aktiviti permainan alat muzik.

Tema kedua ialah aktiviti teori muzik. Didapati murid pertama mengatakan berminat untuk membuat latihan teori muzik kerana ia mencabar minda. Dia seronok jika diberi kerja rumah membuat latihan teori muzik. Tema ketiga ialah aktiviti tarian di mana murid keempat mengatakan berminat untuk mempelajari aktiviti tarian.

Dalam temu bual kelompok pula, murid-murid ditanya tentang aktiviti-aktiviti muzik yang tidak sesuai dijalankan ke atas mereka. Pengkaji telah berjaya mengekod tiga tema dalam temu bual kelompok ini. Tema pertama ialah aural. Murid-murid mengatakan mereka sangat sukar untuk mengecam melodi yang dimainkan dan boleh menyebabkan mereka stress. Tema kedua ialah aktiviti nyanyian. Dalam hal ini, murid-murid menjelaskan bahawa mereka sangat tertekan apabila diminta menyanyi secara solo. Tema ketiga ialah aktiviti menulis lirik lagu. Murid-murid mengatakan bahawa mereka tidak suka mencipta dan menulis lirik lagu kerana mereka tidak arif dalam bidang bahasa untuk mencari lirik yang sesuai dengan melodi.

### **Pemerhatian**

Pemerhatian dijalankan di dalam lima kelas muzik yang terdiri daripada 15 hingga 17 orang murid pintar dan berbakat. Pengajaran dan pembelajaran muzik telah berlangsung selama 40 minit iaitu melakukan gerakan, teori muzik, aural, bermain rekoder dan menyanyi. Sewaktu aktiviti gerakan,

didapati 2 orang murid berbual dengan kawan, dan bergerak tidak mengikut tempo lagu. Pada sepuluh minit pertama mereka tidak dapat bergerak mengikut bit lagu, namun, selepas tiga puluh minit murid-murid dapat melakukan gerak-gerak secara seragam dan mengikut lagu. Didapati mereka mendengar muzik dengan teliti dan bertanya kawan apabila tidak pasti tentang gerakan yang ingin dilakukan.

Dalam aktiviti belajar teori muzik, didapati tiga orang murid menutup mata selama lebih kurang lima minit. Guru menyangka murid-murid tersebut tidur tetapi apabila ditanya, mereka dapat menjawab soalan dengan betul. 11 orang murid menunjukkan wajah bosan dan kerap memandangkan ke arah tingkap. Murid-murid didapati lebih tertarik apabila belajar teori menggunakan bahan bantu mengajar. Pada waktu tersebut, guru menayangkan gambar not dan latihan teori pada televisyen. Murid-murid meluahkan rasa teruja mereka dan menunjukkan wajah yang ceria. Selain itu, didapati seorang murid sibuk membuat kerja sendiri sewaktu guru sedang mengajar. Didapati murid tersebut sedang mencipta lagu (*composition*) dalam buku manuskripnya. Murid itu telah berjaya mencipta dua muka surat lagu pada waktu tersebut. Hal ini menunjukkan murid-murid pintar dan berbakat cenderung dengan aktiviti komposisi.

Semasa waktu aktiviti aural, didapati murid-murid dapat mengenal pasti bunyi melodi yang dimainkan pada masa 15 minit pertama. Selepas itu, mereka menyatakan bahawa mereka keliru dan tidak dapat membunyikan melodikan lagu dengan tepat. Kelas mula bisung dan lebih 8 orang murid tidak menumpukan perhatian dengan bercakap-cakap sambil ketawa. Dalam aktiviti nyanyian, didapati murid seakan tidak berminat dengan nyanyian solfa. Mereka menunjukkan wajah yang bosan dan tidak menyanyikan solfa dengan nada yang tepat. Mereka lebih tertarik menyanyikan lagu-lagu yang sudah diketahui mereka. Terdapat dua orang murid telah menunjukkan kepada guru dua buah lagu Jepun di Youtube yang telah disintesis dalam bentuk muzik yang unik, namun mereka tidak dapat menyanyikan melodi lagu tersebut. Mereka hanya berminat dengan teknik nyanyian dan penciptaan lagu tersebut.

Pada waktu aktiviti permainan rekoder, murid-murid menumpukan perhatian dengan baik. Mereka meniup rekoder mengikut skor yang diberikan. Mereka memerlukan masa 20 minit untuk menguasai skor lagu yang mempunyai 8 bar irama. Apabila mereka tidak tahu, mereka akan bertanya kepada rakan dan guru. Murid-murid juga berani menunjukkan kepada guru dan rakannya bakatnya memainkan rekoder. Dalam sebuah kelas, didapati 15 daripada 17 orang murid dapat memainkan rekoder dengan irama yang betul. Tidak terdapat murid-murid yang bermain atau berbual-bual di dalam kelas. Sebaliknya mereka menumpukan kepada skor muziknya dan berusaha untuk mempamerkan kemahiran yang lebih baik daripada rakannya.

Pada akhir kelas, murid-murid dalam sebuah kelas muzik menyatakan minat mereka terhadap aktiviti yang diajar. Didapati 13 orang murid berminat dengan aktiviti gerakan, 8 orang berminat dengan aktiviti belajar teori menggunakan bahan teknologi dan 10 orang berminat belajar menyanyi. Kenworthy dalam Noraini (2008) menjelaskan bahawa pembelajaran yang berkesan boleh wujud sekiranya terdapat minat dalam kalangan pelajar dan salah satu daripada cara mewujudkan minat tersebut ialah melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik.

## Perbincangan

Berdasarkan keputusan kajian, didapati aktiviti muzikal yang sesuai dan menarik perhatian murid-murid pintar dan berbakat ialah permainan alat muzik. Hal ini dibuktikan dengan keputusan perbincangan kumpulan berfokus, dan temu bual yang menunjukkan semua responden mempunyai perspektif yang sama mengenai aktiviti permainan alat muzik. Dalam keputusan pemerhatian pula menunjukkan murid-murid mempamerkan tingkah laku yang positif dan tertarik dengan aktiviti permainan alat muzik. Hal ini selaras dengan pandangan Clarke (2006) yang menyatakan murid-murid pintar mempunyai kecenderungan bermain alat muzik.

Pengkaji juga mendapati bahawa murid-murid pintar dan berbakat berminat untuk bertanding atau membuat persembahan muzik. Mereka tidak kekok dan bersifat berani mempamerkan kebolehan mereka di hadapan khalayak. Hal ini selari dengan Mastropieri dan Scruggs (2010) yang menyatakan

bahawa kanak-kanak yang pintar dan berbakat mempunyai kebolehan luar biasa berbanding kanak-kanak normal. Mereka boleh mempamerkan persembahan dan pencapaian yang luar biasa dan di luar jangkauan. Jadi, tidak mustahil untuk mereka membuat persembahan muzik di hadapan khalayak.

Berdasarkan keputusan yang diperolehi juga, didapati aktiviti muzikal lain yang sesuai dan memenuhi keperluan murid-murid pintar dan berbakat ialah teori muzik, sejarah muzik, nyanyian, tarian, dan penciptaan lagu (komposisi). Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa murid-murid pintar dan berbakat tidak menunjukkan minat dalam aktiviti aural (pendengaran). Hal ini dibuktikan dalam keputusan temu bual kelompok dan pemerhatian yang membuktikan murid-murid menunjukkan tingkah laku tidak berminat dengan aktiviti tersebut. Mereka sukar untuk mengecam pic dan melodi lagu yang membuatkan mereka tidak minat dalam aktiviti aural. Selain itu, aktiviti-aktiviti seperti menulis lirik lagu dan nyanyian solo juga dikatakan tidak sesuai dalam keputusan temu bual kelompok. Untuk menarik perhatian mereka dalam sesuatu topik muzikal, guru-guru boleh menggunakan bahan bantu mengajar yang interaktif, mengaplikasikan teori kepada amali dan menyatakan kepentingan topik yang ingin dipelajari.

## Penutup

Selepas kajian ini dijalankan, maka jelaslah bahawa terdapat aktiviti-aktiviti muzikal yang sangat sesuai dengan jiwa murid-murid pintar dan berbakat. Aktiviti-aktiviti ini bolehlah digunakan oleh guru-guru muzik sebagai kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran muzik untuk murid-murid pintar dan berbakat. Guru-guru juga boleh meningkatkan mutu pengajaran dan mengelakkan rasa bosan dalam kalangan murid-murid pintar dan berbakat dengan mengamalkan langkah-langkah yang telah dijelaskan. Van Tassel-Baska (1996) menyatakan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk murid-murid pintar dan berbakat seharusnya dirancang dengan teliti dan dilaksanakan mengikut turutan supaya menghasilkan kesan yang memberangsangkan. Aktiviti-aktiviti pengayaan yang merentas kognitif, afektif, sosial dan estetik juga perlu sentiasa dilakukan ke atas mereka.

## Rujukan

- 1news. (2017, October 26). Edisi Semasa. *IPG Raja Melewar Bakal Dijadikan Pusat Permata Pintar Pada 2021*. Retrieved February 20, 2018, from <http://www.malaysia1news.my/portal/video/43073>
- Benny, N., & Blonder, R. (2016). Factors that promote/inhibit teaching gifted students in a regular class: results from a professional development program for chemistry teachers. *Education Research International*, 2016.
- Bogunović, B. (2008). *Musical talent and successfullness*. Beograd: Institut za pedagoška istraživanja.
- Callahan, C. (November 2015). *Characteristics of gifted learners: Through what lens?* Retrieved from <https://attendee.gotowebinar.com/recording/5174321882174331138>.
- Clark, G., & Zimmerman, E. (1998). Nurturing the arts in programs for gifted and talented students. *The Phi Delta Kappan*, 79(10), 747-751.
- Clarke, S. (2006). *The musical education of academically gifted and talent students: Teachers' and students' perspectives*. (Undergraduate thesis). Sydney Conservatory of Music, University of Sydney, Australia.
- Gagne, F. (1985). Giftedness and talent: Reexamining a reexamination of the definitions. *Gifted Child Quarterly*, 29(3), 103-112.
- Gardner, H. (1997). *Giftedness from a multiple intelligences perspective*. in N. Colangelo & G.A. (eds.), *Handbook of gifted education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Gross M., Macleod B., Pretorius M. (2007). *Gifted students in secondary schools*. (Second ed.). Sydney: A Geric Publication.
- Harun, H., & Aimi, N. (2012). *Stress Dalam Kalangan Kanak-Kanak Berbakat: Satu Kajian Kes* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Hisyamuddin A. R. Dan Amir H. S. (2012) Kaedah nyanyian dalam mengatasi masalah miskonsepsi dalam kalangan pelajar tahun tiga dalam topik magnet. *Persidangan Kebangsaan Pembangunan*

- dan Pendidikan Lestari. Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
- Kaplan, L. S. (1990). *Helping gifted students with stress management*. ERIC Clearinghouse.
- Mahmood, N., & Musnie, N. A. (2014). *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik di sekolah rendah: satu kajian kes* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Mahoney, J. L., Larson, R. W., & Eccles, J. S. (Eds.). (2005). *Organized activities as contexts of development: Extracurricular activities, after school and community programs*. Psychology Press.
- Maker, C.J. (1982). *Curriculum development for the gifted*. Austin, Texas: PRO-ED.
- Maksić, S. (2006). *Fostering creativity in school*. Beograd: Institut za pedagoška istraživanja.
- Mastropieri, M. A., & Scruggs, T. E. (2010, July 20). Gifted, Creative, and Talented. Retrieved February 21, 2018, from <https://www.education.com/reference/article/gifted-creative-talented-children/>
- McKay, M. D. (1983). Is music a trap for the academically gifted?. *Music Educators Journal*, 69(8), 32-33.
- Memmert, D. (2006). Developing creative thinking in a gifted sport enrichment program and the crucial role of attention processes. *High Ability Studies*, 17(1), 101-115.
- Mirković, R., K. (1998). *The psychology of musical ability*. Beograd: Zavod za udžbenike i nastavna sredstva
- Mok S.S dan Lee S. M .(1989). *Latihan mengajar untuk maktab perguruan*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Montgomery, D. (2013). *Gifted and talented children with special educational needs: Double exceptionality*. Routledge.
- Noraini O. (2008). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima. *Jurnal Pendidikan*, Institut Perguruan Tun Abdul Razak, Sarawak.
- Pp Ukm. (2015). *Buku panduan kolej permatapintar negara tahun akademik 2015*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.
- Renzulli, J.S.(1978). What makes giftedness? Reexamining a definition. *Phi Kappan*, 60, 180-184,261
- Rief, S. F. (2008). *Bagaimana mendekati dan mendidik kanak-kanak ADD/ADHD*. ITBM.
- Rosli M.F. dan Omar B. (2013). Penggunaan teknik nyanyian dan mnemonik dalam meningkatkan penguasaan kata sendi nama dari pelajar tahun tiga. *Kajian Tindakan PISMP 2013*, 2(7).
- Salhah A. (2008). *Kecerdasan Pelbagai-Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. PTS Professional.
- Schultz, R. A. (2005). Philosophical sense: An ampliative twist in gifted education. *Roepfer Review*, 27(3), 152-157.
- Schroth, S. T., & Helfer, J. A. (2011). Gifted children and the arts: Providing opportunities for all. *Parenting for High Potential*, June 2011, 12-15.
- Siegel, D., & McCoach, D. B. (2010). Redefining giftedness for a new century: Shifting the paradigm. *Journal of Advanced Academics*, 22(1), 6-8.
- Stephanie. (2015, June 26). Convenience Sampling (Accidental Sampling): Definition, Examples. Retrieved February 20, 2018, from <http://www.statisticshowto.com/convenience-sampling/>
- Teplov, B., M.(1967). The psychology of musical ability. U *Zbornik Muzičko – pedagoških radova*. Sofija: Narodna prosveta.
- Tolar, E. (2016). The Allure of Music: Implications for Academically Gifted Students.
- Van Tassel-Baska, J. (1996). 'The process of talent development'. In J. van Tassel-Baska, D.T. Johnson and L.N. Boyce (Eds.), *Developing verbal talent* (pp3–22). Boston. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Van Tassel–Baska, J. (1988). 'Curriculum for the gifted: Theory, research and practice'. In J. van Tassel–Baska, J. Feldhusen, K. Seeley, G. Wheatley, L. Silverman and W. Foster (Eds.), *Comprehensive curriculum for gifted learners* (pp1–19). Boston, Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Wigfield A., O’Neill S. A. dan Eccles J. S. (1999). Children;s achievement values in different domains: Developmental and cultural differences. *Research in Child Development, Albuquerque*.